

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 29 OGOS 2019

MUKA SURAT: 20

Loji rawatan kumbahan disyaki jadi punca

JOHOR BAHRU - Insiden pencemaran bau yang menyebabkan 33 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih dekat Pasir Gudang mengalami muntah-muntah, sesak nafas dan pening semalam disyaki berpunca daripada loji rawatan kumbahan berdekatan.

Exco Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor, Tan Chen Choon berkata, bacaan parameter udara yang direkodkan Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menunjukkan kualiti udara di kawasan sekolah pada tahap normal.

Menurutnya, bacaan *Volatile Organic Compounds* (VOC) juga adalah sifar.

"Pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah diarahkan untuk mengambil tindakan penyelenggaraan (loji rawatan kumbahan) dengan secepat mungkin.

"Selain itu, langkah-langkah pemantauan kualiti udara juga akan dijalankan secara bersepadu oleh agensi-agensi berkaitan dari semasa ke semasa," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam. - Bernama